

28 SEP 1999

Mahathir-Politik

DR MAHATHIR MINTA PIHAK ASING FIKIR DUA KALI SEBELUM SOKONG PEMBANGKANG

Oleh: Amin Husaini Harun

NEW YORK, 29 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pihak asing perlu berfikir dengan bijak sebelum memberikan sokongan kepada pembangkang menjelang pilihan raya umum Malaysia yang akan datang.

Perdana Menteri berkata pihak asing, termasuk mereka di Amerika Syarikat, harus memahami dengan jelas mengenai pilihan strategik yang terdapat pada mereka sebelum memutuskan siapa yang hendak disokong.

Pilihan itu ialah sama ada kestabilan gabungan Barisan Nasional pimpinan Umno, yang moden, progresif, bertoleransi, liberal dan sudah diuji dengan mempunyai rekod menakjubkan ataupun pakatan longgar parti-parti pembangkang yang dikuasai oleh PAS, katanya.

Berucap mengenai "Keutamaan Politik dan Ekonomi Malaysia Hari Ini" pada jamuan tengah hari Majlis Perhubungan Asing di sini, Dr Mahathir berkata: "Apa yang saya dapat harapkan ialah apabila sokongan diberikan kepada parti pembangkang, para penyokong asing itu tahu apa yang mereka lakukan."

Beliau berkata kerajaan Barisan Nasional tidak meminta sokongan asing tetapi memadai jika tiada lagi laporan yang diputarbelitkan mengenainya.

Dr Mahathir berkata beliau mendapati campur tangan asing menjelang pilihan raya umum ke-10 nanti, telah melebihi tahap semasa pilihan raya umum 1964 apabila Indonesia dan Komunis berusaha menghalang penubuhan Malaysia.

Beliau berkata pihak asing yang mahu mempromosi dan menyokong pembangkang perlu disedarkan mengenai PAS, sebuah parti politik yang mempunyai agenda jelas dan terbuka mengenai versi penubuhan sebuah negara Islam.

Parti-parti lain dalam gabungan alternatif itu tidak dijangka memperolehi kemenangan.

Pihak yang mendapat faedah daripada pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim bukan parti isterinya, Keadilan, sebaliknya PAS, kata Perdana Menteri.

"PAS ialah parti yang telah mengeksploitasi keadaan itu dan memperolehi kekuatan paling kukuh. Ia adalah parti yang diketahui kerana menyalahgunakan dan menyalahafsirkan Islam untuk kelebihan politiknya," kata Dr Mahathir.

Walaupun ada masanya PAS dianggap sebagai parti fundamentalis Islam, walaupun ia sebenarnya tidak, kerana jika asas Islam dipatuhi, hasilnya ialah kecintaan terhadap keamanan dan toleransi terhadap yang lain, katanya.

Perdana Menteri berkata Umno boleh mendakwa dirinya sebagai fundamentalis dalam erti kata sebenarnya kerana parti itu percaya kepada keamanan dan toleransi yang merupakan ajaran sebenar Islam.

Beliau berkata PAS juga tidak mempunyai dasar ekonomi yang diiktiraf selain daripada sekadar menyatakan bahawa ianya harus berlandaskan Islam tetapi maksudnya tidak jelas.

"Harap faham bahawa walaupun di Malaysia terdapat badan korporat yang boleh bersaing di peringkat dunia, walaupun terdapat ramai rakyat Malaysia yang mahu berada di dalam barisan perintis era IT dan multimedia, ada juga segelintir yang percaya televisyen patut dibuang ke laut kerana ia satu instrumen syaitan," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata kerajaan Barisan Nasional mempunyai tiga keutamaan politik untuk negara pada masa ini:

+ Pertama, mengubah penduduk yang terpisah oleh etnik, bahasa, agama dan budaya menjadi satu bangsa Malaysia yang bersatu;

+ Kedua, memastikan Malaysia kekal progresif dan liberal dalam pandangan dan semua dasarnya di dalam dan di luar negara; dan;
+ Ketiga, memastikan rakyat Malaysia mampu menikmati keamanan, keharmonian, kestabilan dan kemakmuran pada setiap masa.

Dr Mahathir berkata sehingga orang Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban dan yang lain melihat diri mereka sebagai bangsa Malaysia dahulu dan sebagai anggota kumpulan etnik kemudian, cabaran utama akan terus wujud.

"Sehingga semua masyarakat kita hidup dalam perkongsian yang adil dan saksama antara satu sama lain, tanpa sebarang perasaan kerendahan, terpinggir atau terasing, tugas kami belum selesai.

"Saya percaya bahawa dasar yang seimbang, adil dan saksama yang telah kami terima pakai dalam semua sudut -- politik, pendidikan, pembasmian kemiskinan, pembangunan ekonomi -- telah membantu Malaysia mencapai kemajuan yang bermakna dalam membentuk satu negara yang bersatu sejak rusuhan perkauman pada Mei 1969," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau tidak mempunyai andaian berhubung cabaran yang menanti di masa depan kecuali jika rakyat Malaysia membenarkan diri mereka disalah pimpin dalam menyatakan sokongan kepada tujuan yang salah, Malaysia mungkin menjadi satu lagi Kosovo atau Bosnia Herzegovina.

Mengenai keutamaan kedua, beliau berkata Barisan Nasional mahu memastikan bahawa Malaysia kekal progresif, bertoleransi dan liberal dalam pandangannya.

"Saya percaya bahawa kami perlu memastikan kesinambungan pandangan ini dan dasar-dasar iringan kerana masa depan Malaysia bergantung kepadanya," katanya.

Mengenai keutamaan ketiga, Dr Mahathir menyifatkan rusuhan kaum 13 Mei 1969 sebagai "titik tolak" dalam sejarah negara kerana "ia memberi pengajaran terbesar kepada kami tentang keamanan dan kestabilan."

"Rakyat muda Malaysia hari ini dilahirkan selepas 13 Mei, 1969. Mereka mendapat banyak manfaat daripada perubahan selepas 1969. Mereka tidak mempunyai kenangan peribadi atau mendalam mengenai mimpi buruk yang telah dilalui golongan yang lebih tua daripada mereka," katanya.

Beliau berkata kerajaan bukan sahaja boleh menerima bantahan malah menyambut baik perkara itu kerana hak untuk membantah adalah paksi kepada demokrasi.

"Tetapi kami tidak bersetuju dengan rusuhan jalanan, ancaman, keganasan dan kekacauan. Mereka yang membantah mempunyai hak tetapi kerajaan juga bertanggungjawab memastikan keamanan untuk rakyat keseluruhannya.

"Kami tahu bahawa apabila api keganasan perkauman dinyalakan, ia sukar untuk dipadamkan. Kami di Malaysia telah melihat kejadian-kejadian tragik di kalangan saudara kami di Indonesia. Malaysia tidak akan meminta maaf kepada sesiapa pun, kerana bersikap tegas dalam mengekalkan undang-undang dan ketenteraman," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

AHH NAK MAI